UNTUK SIARAN NEGARA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KPN PERUNTUKKAN RM100 RIBU MELALUI PROGRAM SEKOLAH ANGKAT MADANI TAHUN 2026

KANGAR, 2 November – Sejumlah RM100 ribu telah diperuntukkan kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putra, Kangar Perlis sebagai Sekolah Angkat MADANI Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bagi tahun 2026. Majlis Penyerahan Projek Sekolah Angkat ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha, KPN.

Melalui peruntukkan tersebut, pelbagai projek penyelengaraan dan baik pulih telah berjaya dilaksanakan bagi meningkatkan keselamatan dan keselesaan kira-kira 1,000 orang pelajar sekolah ini seperti **penggantian bumbung pejalan kaki, pembaikan makmal ICT, baik pulih tandas, penggantian cermin serta pintu tandas yang rosak** dan **peningkatan kemudahan sukan dengan kelengkapan peralatan gimnasium serta Taman Sekolah Angkat MADANI.**

Selain itu, projek pembangunan ini tidak terhenti kepada binaan fizikal semata-mata namun turut memberi manfaat kepada para pelajar dan guru melalui penganjuran program yang membentuk modal insan cemerlang seperti penganjuran Kem Munajar bagi calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) serta program Latihan dan Pembangunan untuk meningkatkan kompetensi para guru.

YBhg. Dato' Haslina dalam ucapannya menitipkan pesanan agar para pelajar dapat memanfaatkan serta menjaga kemudahan yang disediakan dengan sebaik-baiknya selain berharap agar kemudahan tersebut menjadi pemangkin semangat kepada para pelajar untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan, bukan sahaja dalam aspek akademik, malah turut membentuk sahsiah diri yang terpuji.

UNTUK SIARAN NEGARA

Program Sekolah Angkat MADANI merupakan inisiatif strategik Kerajaan dalam memberi fokus kepada pembangunan holistik yang bukan sahaja menyasarkan lonjakan akademik tetapi turut memastikan penyediaan infrastruktur asas yang lebih selamat, selesa dan kondusif kepada para pelajar sekolah.

Kementerian Perpaduan Negara
2 November 2026
KPN.100-9/1/16 (88)